

D663

B B766 AAB
MAHATHIR - ISLAM R R R

KUALA LUMPUR, 7 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA PUNCA-PUNCA YANG MENGAKIBATKAN KEMUNDURAN UMAT ISLAM SEKARANG PERLU DIKAJI OLEH PARA CERDIK PANDAI DENGAN FIKIRAN TERBUKA.

PERDANA MENTERI YAKIN ASAS-ASAS YANG MEMBUAT UMAT ISLAM MAJU DAN AGAMA ITU BERKEMBANG HINGGA KE SEPANYOL DI BARAT DAN KE NEGERI CHINA DI TIMUR PADA ZAMAN KEGEMILANGANNYA PADA KURUN PERTAMA DAN KEDUA HIJRAH, DAPAT DITEMUI.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA AL-QURAN DAN SUNNAH NABI TIDAK BOLEH DIPERSALAHKAN ATAS KEMUNDURAN UMAT ISLAM TETAPI TIDAK MUSTAHIL KEMUNDURAN ITU DISEBABKAN KESILAPAN MANUSIA DALAM MEMBUAT TAFSIRAN TERHADAPNYA.

+KALAU DIKAJI SEJARAH ISLAM, UMATNYA MERUPAKAN GOLONGAN YANG BERJAYA SEPERTI YANG DIJANJIKAN DALAM AL-QURAN TETAPI SEKARANG KITA TIDAK DAPAT MENIPU DIRI BAHAWA KITA BERJAYA;+ KATANYA KETIKA BERUCAP MERASMIKAN SEMINAR KEFAHAMAN DAN PENGHAYATAN ISLAM DI PUSAT ISLAM DI SINI.

KATANYA ADA ORANG MENGATAKAN BAHAWA JIKA DIUKUR DARIPADA SEGI KEBUDAYAAN DAN KETAMADUNAN, UMAT ISLAM MERUPAKAN GOLONGAN MANUSIA YANG LEBIH BAIK BERBANDING DENGAN GOLONGAN-GOLONGAN LAIN. -- LAGI.
1120MST 07 08 86

0671

U B771 AAB
MAHATHIR - ISLAM 2 KUALA LUMPUR R R R

+TETAPI HAKIKATNYA IALAH KITA TERPAKSA MEMINTA PERTOLONGAN KEPADA ORANG LAIN APABILA MENGHADAPI SESUATU MASALAH DAN TERPAKSA MEMPERHAMBAKAN DIRI DAN BERGANTUNG KEPADA ORANG LAIN DALAM SEMUA PERKARA.+ KATA BELIAU.

+KAIN BAJU YANG DIPAKAI BERCORAK ISLAM PUN SEBENARNYA BERPUNCA DARIPADA ORANG BUKAN ISLAM KERANA KEMUNDURAN MEMBUAT KAIN SUDAH HILANG DARIPADA KITA. TIADA GUNANYA KITA MENGATAKAN KITA BERJAYA SEKADAR UNTUK MENYEDAPKAN HATI,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

KATANYA SELEPAS 200 TAHUN NABI MUHAMMAD S.A.W WAFAT, PERKEMBANGAN UMAT ISLAM DI BEBERAPA TEMPAT MEROSOT. SEJARAH INI PERLU DIKAJI OLEH GOLONGAN TERPELAJAR ISLAM SUPAYA KESILAPAN-KESILAPAN MASA LEPAS TIDAK DIULANGI.

DALAM MEMAHAMI AJARAN ISLAM YANG SEBENARNYA, TIDAK BOLEH HANYA DENGAN MEMBACA AL-QURAN DAN SUNNAH TETAPI MEMERLUKAN TAFSIRAN-TAFSIRAN OLEH GOLONGAN TERPELAJAR.

+BAGAIMANAPUN KITA MESTI INGAT BAHAWA PARA PENTAFSIR INI PUN TIDAK SUNYI DARIPADA KESILAPAN KERANA MEREKA JUGA MANUSIA BIASA DAN KERANA ITU JUGA TERDAPAT PELBAGAI PERBEZAAN PENDAPAT DI KALANGAN MEREKA;+ KATA BELIAU.

-- LAGI.
1158MST 07 08 86

0685

U B778 AAB
MAHATHIR - ISLAM 3 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MASALAHNYA SEKARANG IALAH UNTUK MENENTUKAN TAFSIRAN YANG MANA SATUKAH YANG TEPAT DAN INI PERLU DIBUAT OLEH ORANG-ORANG YANG BENAR-BENAR CINTAKAN ISLAM.

KATANYA SEKIRANYA ISLAM DITAFSIR DENGAN TEPAT MENGIKUT ZAMAN KEGEMILANGANNYA UMAT ISLAM SEKARANG PASTI DAPAT MENCAPAI KEJAYAAN.

+KITA MESTI MEMBUKA FIKIRAN DALAM MENGHADAPI MASALAH INI DAN TIDAK BOLEH MENGANGGAP SESEORANG ITU TIDAK BOLEH DIPERSOALKAN SEBAB DIA JUGA MANUSIA BIASA,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ISLAM YANG DIANUTI HARI INI LEBIH MENEKANKAN KEPADA RUPA BENTUK YANG DIBUAT SENDIRI OLEH MANUSIA SEDANGKAN NILAI-NILAI LAIN YANG BOLEH MEMBERI KEJAYAAN DALAM ISLAM TIDAK DIBERI PENEKANAN.

KATANYA OLEH ITU PENGHAYATAN ISLAM SEKARANG MENJADI BERAT SEBELAH.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA PENGHAYATAN ISLAM DENGAN CARA YANG SEBENARNYA DAPAT MEMBERI KEJAYAAN DI DUNIA DAN AKHIRAT. -- LAGI.
1229MST 07 08 86

0762

U B823 AAB
MAHATHIR - ISLAM 4 KUALA LUMPUR (ULANGAN PEMBETULAN ITEM B799) R
R R

KATANYA NILAI-NILAI KELUHURAN DAN KEIKHLASAN PERLU DALAM MEMBUAT TAFSIRAN SUPAYA SEBUAH TAFSIRAN TIDAK DIBUAT BAGI KEPENTINGAN LAIN SELAIN DARIPADA AGAMA.

MEMBUAT TAFSIRAN BAGI KEPENTINGAN LAIN DARIPADA ISLAM INI BUKAN SAHAJA BERLAKU PADA MASA LEPAS TETAPI JUGA SEKARANG INI DI NEGARA INI, TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGENGATKAN BAHAWA ISLAM JUGA DIPERALATKAN OLEH ORANG BUKAN ISLAM BAGI KEPENTINGAN MEREKA.

OLEH ITU BELIAU BERKATA APA YANG PENTING IALAH BUKANNYA ASYIK MENYALAHKAN ORANG LAIN TETAPI SEBALIKNYA SETIAP UMAT ISLAM PERLU BERTANYA PADA DIRI SENDIRI APAKAH SUMBANGANNYA KEPADA UMAT DAN AGAMA.

SEMINAR SEHARI ITU YANG DIHADIRI OLEH KIRA-KIRA 500 ORANG PELAJAR TEMPATAN BERTA PELAJAR MALAYSIA DI SEBERANG LAUT YANG SEDANG BERCUTI, BERTUJUAN MENINGKATKAN KEFAHAMAN PELAJAR MENGENAI ISLAM DAN MENINGKATKAN SEMANGAT MEREKA.

IA DIANJURKAN OLEH KUMPULAN USRAH PELAJAR MALAYSIA YANG SEDANG MENUNTUT DI UNIVERSITY OF MINNESOTA, DULUTH, AMERIKA SYARIKAT DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN PELAJARAN. -- BERNAMA.
1522HST 07 08 86